

1. Kebanyakan tumbuhan di sekeliling kita dikelaskan sebagai tumbuhan mesofit. Rajah di bawah menunjukkan contoh tumbuhan mesofit.



a) Nyatakan ciri bagi pengelasan tumbuhan mesofit. [1m]

Tumbuhan terestrial (_____). Hidup di kawasan yang _____, iaitu tidak terlalu _____ dan tidak terlalu _____.

b) Apakah kelebihan bagi habitat tumbuhan mesofit? [1m]

Di habitat lembap, tumbuhan mesofit mendapat bekalan _____ yang mencukupi.

c) Pilih contoh-contoh tumbuhan mesofit:

- Pokok rambutan
- Pokok bunga kertas
- Pokok Elodea
- Pokok kiambang
- Pokok semalu
- Rumput



Kiambang



Elodea sp.

d) Huraikan keadaan yang mungkin berlaku kepada tumbuhan mesofit apabila berlaku bencana alam seperti banjir besar dan kemarau. [8m]

Apabila berlaku banjir besar, akar pokok _____ di dalam genangan air dalam tempoh yang lama. Akar kekurangan _____ untuk respirasi sel. Sel-sel akar berespirasi secara _____. Glukosa diuraikan kepada _____ dan karbon dioksida. Apabila kepekatan etanol _____, tumbuhan _____ dan akhirnya mati.

Apabila berlaku kemarau, suhu persekitaran _____ dan kelembapan udara sangat _____. Kadar transpirasi _____. Pokok kehilangan banyak air melalui _____. Kemarau panjang menyebabkan kekurangan air dalam tanah menyebabkan pokok mesofit akhirnya _____, kering dan _____.

e) Terangkan satu adaptasi tumbuhan mesofit untuk menghadapi perubahan cuaca contohnya kemarau. [3m]

- Terdapat tumbuhan yang akan _____ daun pada musim kemarau.
- Lebih _____ bilangan daun, lebih _____ bilangan liang stoma pada tumbuhan.
- Keadaan ini bertujuan _____ kadar transpirasi
- supaya tumbuhan dapat _____ air untuk tempoh yang lebih lama.

lembap	daratan	meningkat
berair	diracuni	terendam
oksigen	anaerob	etanol
tinggi	rendah	meningkat
penyejatan	mati	layu
menggugurkan	mengurangkan	menyimpan
sedikit	basah	sedikit

* panduan perkataan untuk dijadikan jawapan